

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

FEL 303 Prinsip-Prinsip Pembungkusan

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

..2/-

1. Terangkan tentang satu botol kaca dan penutupnya termasuk rekabentuk yang anda fikir paling sesuai untuk diguna sebagai pembungkus sediaan granul yang mengandungi asid askorbik, asid sitrik, natrium bikarbonat dan sedikit minyak pepermin. Berikan penjelasan yang menyokong pilihan anda.

(25 markah)

2. Bincangkan kenapakah ujian-ujian yang dapat menentukan kesesuaian sesuatu pembungkus untuk mengisi sesuatu sediaan perlu dilakukan.

(25 markah)

3. (A) Jelaskan tentang satu rekabentuk penutup jenis skru yang lengkap dengan ciri-ciri; perintang usikan, menghalang pergerakan tablet dan senang dibuka oleh pesakit reumatik.

(13 markah)

...3/-

- (B) Suatu resin plastik adakalanya perlu bahan tambahan supaya ia sesuai untuk dijadikan bahan pembungkus sesuatu sediaan.

Terangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam memilih bahan-bahan tambahan.

(12 markah)

4. Suatu kilang ubat ingin membungkus sediaan tablet antihipertensi yang mempunyai nilai terapeutik tinggi. Terangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam memilih bahan serta bentuk pembungkus untuk sediaan ini.

(25 markah)

5. (A) Terangkan mengapakah penggunaan kertas sebagai pembungkus primer terhad dan cara-cara yang telah dilakukan untuk meningkatkan mutu kertas.

(B) Banding dan bezakan pembungkus blister dengan strip.

(C) Terangkan mengenai kebaikan dan keburukan kaca yang dirawat dengan silikon.

(25 markah)